

3 perkara jadi kunci kejayaan: Musa Hitam

KUALA LUMPUR, Jumaat — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, menyeru umat Islam sentiasa insaf bahawa kunci segala kejayaan adalah kestabilan politik, kesediaan mempertahankan kedaulatan negara dan sanggup hidup bersatu padu tanpa mengira keturunan.

Dalam ucapannya sempena Hari Raya Aidilfitri tahun ini, beliau yang juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkata: "Saya insaf sebagai manusia biasa kita tidak terlepas dari membuat kesilapan sama ada disedari atau tidak disengajakan.

"Oleh itu apa-apa jua kesilapan yang menyinggung hati, saya berharap dapat dimaafkan dengan hati yang terbuka," katanya lagi.

Menurut Datuk Musa lagi, dalam suasana riang menyambut hari raya, rakyat tidak harus lupa akan pengorbanan para pahlawan yang terpaksa meninggalkan kampung ha-

laman untuk berjuang menentang pegganas komunis

"Saya mengucapkan Selamat Hari Raya kepada pahlawan-pahlawan kita yang gagah berani yang semangat kepahlawanan mereka telah dan akan menjamin keamanan negara ini. Saya berdoa semoga Allah akan melindungi para perajurit kita dari sebarang mala petaka," katanya lagi.

Beliau berkata, memang menjadi azam dan hasrat Kabinet baru pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ingin terus dan meningkatkan lagi kemakmuran dan kesejahteraan hidup rakyat negara ini.

Timbalan Perdana Menteri menjelaskan, dalam suasana dunia bergolak di sana-sini, Malaysia telah dilindungi Allah dari berbagai mala petaka.

"Di awal abad ke-15 Hijrah ini, kita bukan saja dapat memperhebatkan perkembangan ekonominya, tapi yang lebih penting mengagihkan kekayaan negara secara yang lebih adil kepada rakyat.

"Di samping itu, kita juga dapat mengekalkan hidup harmoni dan memupuk perpaduan di kalangan rakyat berbilang keturunan," katanya lagi.

Sambil mengucapkan Selamat Hari Raya, Datuk Musa juga berbangga sokongan dan rakyat terhadap Kabinet Datuk Seri Dr. Mahathir.

Katanya, sokongan itu adalah faktor penting kerana tanpa sokongan rakyat, kerajaan tidak mungkin berjaya dalam menjalankan tanggungjawabnya kepada negara.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia